



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2025



FARAID DAN HIBAH

18 APRIL 2025 / 19 SYAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيمَا عِبَادَ اللّٰهُ، ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوْيَ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Islam merupakan agama yang syumul, mencakupi akidah, syariah dan akhlak. Antara aspek kesyumulan Islam ialah penekanan terhadap konsep pengurusan harta yang adil, sama ada semasa seseorang masih hidup, atau selepas kematian. Cara pembahagian harta selepas kematian inilah yang dikenali sebagai pembahagian harta secara faraid. Firman Allah Taala dalam Surah al-Nisa’, ayat 7:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَفْروضًا

Yang bermaksud: *Orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (ditentukan oleh Allah).*

Apabila berdepan dengan kematian seseorang, menjadi tanggungjawab waris dan masyarakat, untuk menguruskan jenazah si mati dengan menggunakan harta peninggalan si mati bagi tujuan perbelanjaan urusan pengebumian. Para waris kemudiannya hendaklah menguruskan harta peninggalan si mati dengan mendahulukan penyelesaian terhadap hutang agama dan hutang sesama manusia,



serta melaksanakan wasiat bukan kepada waris, dengan syarat tidak melebihi satu pertiga daripada harta peninggalannya.

Kemudiannya, para waris wajib membahagikan harta peninggalan mengikut hukum faraid sebagaimana yang ditentukan dalam syariat. Firman Allah Taala dalam Surah al-Niza', ayat 11 yang bermaksud:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu.

Berdasarkan ayat tersebut, sesungguhnya agihan faraid itu adalah hukum asal yang digunakan dalam pembahagian harta, dan merupakan hukum Allah Taala yang jelas dalam al-Quran. Berdosa besar hukumnya dan ditakuti merosakkan akidah kepada sesiapa yang meremehkan agihan faraid, atau mendakwa hukum faraid ini tidak adil. Perlu ditegaskan bahawa besarnya pembahagian hak faraid ke atas ahli waris, adalah bermaksud besarnya tanggungjawab seseorang penerima tersebut terhadap tanggungan yang ditinggalkan.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wajalla

Jauhilah sikap bertangguh-tangguh untuk membahagikan harta pusaka atas alasan tanah kubur si mati masih merah. Penangguhan sebegini boleh membawa masalah yang lebih rumit apabila ada waris yang kemudiannya meninggal dunia sebelum harta dibahagikan, ini boleh menimbulkan keretakan hubungan sesama waris. Lebih ditakuti lagi, ia boleh menyebabkan sebahagian waris memakan atau mengambil hak anak yatim atau harta waris yang lain. Ingatlah firman Allah dalam Surah al-Nisa' ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ
سَعِيرًا

Yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

Terdapat data yang menunjukkan banyak harta pusaka gagal untuk diagihkan sesama waris. Ubahlah sikap ini dengan segera berbincang untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka setelah si mati dikebumikan, ataupun melantik mereka yang pakar untuk membantu pembagiannya berdasarkan hukum syarak.



Walaupun begitu, pembahagian sama rata diharuskan dengan syarat ianya dibahagikan ketika pemilik harta masih hidup. Perlu difahami bahawa konsep hibah (pemberian suci hati) hendaklah diselesaikan pada waktu pemberi hibah (pemilik harta) masih hidup, dan bukanlah diikat dengan kematian pemilik harta. Hibah yang tidak berlaku serah terima kepada penerima hibah ketika pemilik masih hidup, adalah terbatal dan ia kembali kepada hukum faraid.

Namun setelah kematian pemilik, sekiranya para waris ingin mengagihkan secara pembahagian sama rata, ia mestilah mendapat persetujuan semua waris yang berakal dan baligh. Hak waris yang belum baligh atau akalnya tidak sempurna, tidak boleh dikurangkan sedikitpun bahagiannya berdasarkan faraid. Perlu diingat, semua pewaris tidak boleh dipaksa untuk melepaskan haknya atas alasan untuk membahagikannya secara sama rata.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Antara langkah-langkah untuk pembahagian harta faraid, lantiklah syarikat-syarikat, ejen atau pentadbir yang mempunyai pengalaman dalam menguruskan harta secara faraid. Pentadbir hendaklah memastikan semua hak pewaris dijaga dan tuntutan harta sepencarian oleh balu atau suami si mati juga diambil kira. Mereka



yang menguruskan harta pusaka, boleh merujuk mahkamah syariah, atau Pejabat Pusaka Kecil di Pejabat Daerah dan Tanah berdekatan.

Bagi memastikan pembahagian harta dapat dilaksanakan dengan sempurna, pemilik harta hendaklah mempunyai rekod pemilikan harta yang jelas, sama ada berupa hartanah, saham, simpanan tunai dan sebagainya. Banyak kelewatan agihan faraid berlaku kerana kekurangan dokumen harta peninggalan. Maklumkanlah keberadaan harta tersebut kepada beberapa waris terdekat. Bagi mereka yang berpoligami, berpesanlah kepada seseorang bahawa mereka mempunyai waris daripada perkahwinan yang lain, supaya hak waris tidak dinafikan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta’ala

Mengakhiri khutbah ini, disimpulkan bahawa secara asalnya hukum pembahagian harta ialah wajib mengikut faraid. Walaupun begitu, para waris dibenarkan untuk bersepakat mengikut pembahagian yang lain atas kerelaan masing-masing tanpa ada apa-apa tekanan, dengan syarat pewaris adalah berakal dan baligh. Segerakanlah pembahagian harta pusaka bagi mengelakkan keretakan hubungan sesama ahli keluarga, atau harta tersebut terbku yang membawa kerugian kepada masyarakat Islam.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَن يُطِعُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيُدْخِلُهُ جَنَّةً تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَلِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.